

# Pupuk jati diri proaktif, pandai urus masa

Remaja pada umumnya merujuk kepada mereka yang berumur 12 hingga 21 tahun. Dari aspek perkembangan manusia, remaja merujuk kepada satu peringkat transisi antara peringkat kanak-kanak dengan peringkat dewasa.

Ketika seseorang itu melalui zaman remaja dia akan mengalami pelbagai perubahan yang drastik, termasuk perubahan jasmani, sosial, emosi, dan bahasa. Berikutan itu, remaja dianggap golongan yang lebih terdedah kepada gangguan emosi.

Mutakhir ini, gejala sosial dalam kalangan remaja amat meruncing dan membimbangkan. Remaja pada zaman milenium ini menuntut kebebasan serta sikap ingin mencuba yang membuak-buak.

## Peribadi rapuh

Budaya ponteng sekolah, melepak di pusat beli-belah, merempit, menghisap rokok serta budaya tidak sihat yang lain memperlihatkan kepada kerapuhan peribadi segelintir remaja pada hari ini. Masalah ini perlu dibendung kerana akan menjejaskan keharmonian

**FORUM**

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: **bhforum@mediaprima.com.my**

negara serta meningkatkan kadar jenayah sedia ada.

Langkah proaktif perlu diambil oleh kerajaan bagi mengekang penularan ini. Remaja haruslah dibimbing diberi perhatian dan tunjuk ajar agar tidak menyimpang daripada landasan syariat. Nasihat dan dorongan harus seiring bagi remaja yang pernah terlanjur atau yang pernah memilih jalan hitam dalam kehidupan mereka. Usaha dibiarkan mereka terumbang-ambing dan meneruskan hidup tanpa paksi yang benar.

## Strategi urus masa

Satu lagi cara untuk menentukan remaja berada di landasan yang benar ialah



**Bimbingan** perlu diberi pada peringkat kanak-kanak.

[GAMBAR HIASAN]

dengan menyedarkan mereka mengenai kepentingan masa dan strategi pengurusan masa dengan baik. Masa adalah aset yang amat berharga dan bernilai. Setiap detik yang berlalu tanpa diisi dengan perkara yang bermanfaat hanya akan meninggalkan kesan yang sia-sia.

Remaja pada hari ini perlu peka dan prihatin dengan masa. Ia perlu dipenuhi dengan aktiviti yang boleh mendedahkan kebaikan kepada diri mereka khususnya.

Bagi melahirkan remaja yang berkaliber, penggunaan masa haruslah dititikberatkan dan masa yang terluang harus disusun dengan ber sistematik. Selain itu, remaja perlu membabitkan diri dalam program transformasi diri agar jati diri mereka terbinas.

Program khidmat masyarakat umpamanya, dapat membentuk akhlak dan

jati diri remaja kerana pergaulan dengan masyarakat umumnya akan lebih mematangkan diri mereka. Selain itu, nilai murni dan semangat kekitaan dapat dibentuk melalui program rakan muda atau rakan masjid.

Program bakti siswa contohnya, mampu menzahirkan semangat tolong-menolong, semangat berpasukan, nilai bertolak ansur dan sebagainya. Program sebegini jangan dipandang enteng kerana terdapat pelbagai nilai murni serta akhlak yang mulia boleh dicungkil.

Ketirisan ilmu pengetahuan dapat dikikis sedikit demi sedikit melalui program dan pendekatan sebegini.

**Ummu Norain Abdol Manas,**  
Fakulti Pengajian Bahasa Utama,  
Universiti Sains Islam Malaysia